

**KONSEP TABAYYUN**

15 Januari 2016M/ 5 Rabiulakhir 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِمِجْهَلِكُمْ فَنُصِبُوا عَلَيْكُمْ مَا فَعَلْتُمْ

نَدِيمِينَ ﴿٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jemaah yang di rahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya di dunia dan di akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Konsep Tabayyun”**.

Muslimin yang di rahmati Allah,

Sesungguhnya Allah SWT telah mengurniakan pelbagai nikmat yang tidak terhitung banyaknya kepada manusia. Antaranya ialah nikmat pendengaran telinga, penglihatan mata dan tanggapan hati. Kesemua kurniaan tersebut akan dipersoal



oleh Allah SWT. Sama ada dimanfaatkan ke arah perkara yang murni atau disiasikan ke arah perkara yang keji. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Bermaksud: *“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”*

Pada zaman fitnah berteknologi dan dunia era globalisasi ini, pelbagai berita mudah disebarkan dengan cepat, meluas dan mudah. Perantaraan teknologi seperti WhatsApp, Telegram, Twiter, Facebook, emel, surat khabar, majalah atau sebagainya menjadikan proses limpahan maklumat tersebut mudah diperolehi sehinggakan tidak mampu ditapis dan tidak sempat dipastikan kebenarannya. Ditambah dengan sikap teruja dan tidak mahu ketinggalan dengan "berita sensasi" yang diperolehi, lalu tersebarlah perkhawaran tersebut ke segenap tempat bagaikan fakta tanpa sebarang syak wasangka. Realitinya, berita atau perkhawaran yang diperolehi tanpa asas kebenaran dan kepastian yang jitu boleh mengundang fitnah, bala, bencana, kecelakaan, permusuhan dan perselisihan. Kerana itu, Islam mensyaratkan "tabayyun" sebagai konsep penerimaan, penilaian dan penyebaran sesebuah berita.

Ada dikalangan ahli tafsir menjelaskan "tabayyun" bermaksud memeriksa dengan teliti dan ia membawa maksud "tathabbut" iaitu berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang sehingga menjadi jelas dan terang.

Konsep "tabayyun" yang menjadi topik perbincangan khutbah hari ini bermaksud pengenalan, pemeriksaan, penilaian dan pertimbangan yang teliti, berhati-hati dan tidak tergesa-gesa berdasarkan asas ilmu pengetahuan yang mendalam sehingga sesebuah pengkhabaran itu jelas dan nyata kebenaran atau kepalsuannya. Ringkasnya, "tabayyun" ialah proses pemeriksaan sesebuah berita atau pengkhabaran sebelum disebarkan. "Tabayyun" juga bermaksud agar umat Islam sentiasa teliti dan berhati-hati dalam membuat kesimpulan.



Hadirin yang di rahmati Allah,

Peribahasa Melayu, "sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa" seharusnya dihayati dan dicermati. Peribahasa ini telah menjelaskan kepada kita bahawa perkataan tanpa kewaspadaan hanya mengundang fitnah. Manakala fitnah ibarat racun dan barah yang hanya menatijahkan kecelakaan, permusuhan dan perselisihan. Hari ini, peranan mulut direalisasikan dengan mudah melalui perantaraan WhatsApp, Telegram, Twiter dan Facebook. Kemudian secara berperingkat tersebar ke saluran rasmi sehingga dilaporkan secara sensasi di surat khabar dan TV.

Solusi terhadap wujud dan tersebarnya fitnah ialah "tabayyun" terhadap sebarang pengkhabaran. Tabayyun-lah agar kita tidak menyebarkan dan menyemarakkan fitnah. Ingatlah, sekeji-keji manusia ialah pembuat dan penyebar fitnah. Kerana itu fitnah merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar yang dikutuk oleh Islam. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana riwayat Imam al-Bukhari daripada Huzaifah RA:

شَرَّارُ عِبَادِ اللَّهِ الْمَشَاءُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمَفْرِقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ، الْبَاغُونَ الْبِرَاءَ الْعَنَتِ

Bermaksud: *“Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menabur fitnah, mereka yang melaga-lagakan di antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah.”*

Sesungguhnya Islam merupakan agama syumul yang menjaga hubungan antara manusia dengan Tuhannya, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam raya. Dalam menjaga hubungan manusia sesama manusia maka konsep “tabayyun” sangat efektif dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan. Tabayyun bukan sahaja memberi faedah kepada individu tetapi menjangkau kepada keluarga, masyarakat dan negara. Konsep tabayyun turut merealisasikan kehendak syarak atau maqasid syariah iaitu pemeliharaan akal, nyawa, keturunan, harta dan agama. Akal akan terpelihara apabila segala maklumat yang diterima diperhalusi dan diselidiki. Agama, keturunan, nyawa dan harta akan terpelihara daripada sebarang kecelakaan apabila fitnah tidak diada-adakan dan



disemarakkan. Bahkan tiada sebarang kebimbangan dan penyesalan apabila konsep "tabayyun" dipraktikkan.

Sidang Jamaah yang di rahmati Allah,

Sejarah syahid dan terbunuhnya Sayidina Uthman RA seharusnya memberikan pengajaran dan peringatan besar kepada kita. Pembunuhan Sayidina Uthman RA adalah kerana fitnah yang dicanang dan disemarakkan oleh perancangan jahat golongan munafiqin. Sesungguhnya, golongan munafiqin adalah musuh Islam dalam selimut yang lebih merbahaya daripada kuffar yang jelas penentangannya. Justeru, jauhilah sifat-sifat munafiqin sepertimana yang dijelaskan Baginda SAW iaitu apabila berkata berdusta, apabila berjanji dimungkiri dan apabila diberi amanah dikhianati. Ingatlah al-Quran menegaskan, sesungguhnya orang-orang munafiq itu ditempatkan pada tingkatan terke bawah sekali dari lapisan-lapisan dalam neraka dan tiada sesiapa pun yang dapat menolong mereka.

Sayidina Uthman RA telah memerintah hampir mencukupi 12 tahun. Pemerintahannya berlangsung aman sehingga bermulanya zaman fitnah. Kebanyakan fitnah terhadap Sayidina Uthman disemarakkan oleh golongan munafiqin. Berbagai fitnah dilontarkan kepada beliau dengan tujuan memburukkan reputasinya bahkan menghancurkan Islam itu sendiri. Maka dicanang-cancang fitnah bahawa Khalifah Islam ketiga ini melakukan bidaah mengumpul dan membukukan al-Quran, tidak menyertai peperangan Badar, tidak hadir ketika perjanjian Bai'ah al-Ridhwan dan sebagainya. Sedangkan kezuran Sayidina Uthman RA terhadap Badar dan Bai'ah al-Ridhwan adalah dengan alasan dan persetujuan Rasulullah SAW. Namun, perkara-perkara ini sengaja dicanang dan diulang-ulangkan. Perkara yang dicanangkan oleh golongan munafiqin ini akhirnya mendapat sokongan golongan terpedaya yang lemah imannya dan akhirnya membentuk kumpulan penentang. Benarlah kata-kata yang menyebutkan "Penipuan yang diulang-ulang akan menjadi kebenaran".

Kemuncak fitnah terhadap Sayidina Uthman RA ialah surat palsu atau surat layang ciptaan golongan munafiqin yang akhirnya mencetuskan kemarahan golongan terpedaya yang lemah imannya. Akhirnya, berlaku pemberontakan sehingga terbunuh syahid Sayidina Uthman RA. Sesungguhnya, berlaku kekacauan di dalam



masyarakat Islam adalah kerana api, racun dan barah fitnah. Oleh itu, jauhi api fitnah dengan memperhalusi sebarang pengkhabaran dengan konsep "tabayyun".

Konsep "tabayyun" mengajarkan kita beberapa perkara antaranya ialah tidak mendakwa atau memperkatakan sesuatu, kecuali yang benar sahaja. Bahkan, mengadakan berita atau berbohong adalah salah satu daripada tanda-tanda munafiq dan berdosa. Selain itu, hanya berita yang telah diselidiki kebenaran atau kepalsuannya sahaja boleh disebar. Begitu juga, perlunya sikap sering bertanya dan merujuk segala perkara yang tidak diketahui kepada ahlinya. Sikap ini mengelakkan kekeliruan, salah faham, penyelewengan dan kesesatan. Selain itu, sikap merendah diri, bertolak ansur, saling memaafkan, hormat menghormati, bersikap adil dan saksama dapat memadamkan api fitnah seterusnya menjaga keharmonian serta keselamatan antara sesama kita.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Rumusan daripada khutbah yang disampaikan pada hari ini antaranya ialah:

Pertama: Mukmin sebenar ialah mereka yang menjaga hubungan dengan Tuhannya, menjaga hubungan sesama manusia dan menjaga perilakunya terhadap alam semesta.

Kedua: Fitnah adalah api, racun dan barah yang mendatangkan pelbagai kecelakaan, permusuhan dan perselisihan kepada diri, keluarga, negara dan agama.

Ketiga: Konsep "tabayyun" adalah kaedah yang perlu dipraktikkan dalam zaman fitnah berteknologi dan dunia era globalisasi ini supaya kita tidak digolongkan sebagai pembuat dan penyebar fitnah seterusnya mengundang kemurkaan Illahi.

Firman Allah SWT di dalam surah surah al-Nur ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَلِيِّ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَثَنِي بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوُلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ ائِخْوِ
الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانِ بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ قَرْمَايسُورِي ائِخْوِ تَوَانِكُو
حَاجِهِ حَمِينِهِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيَزِيَا وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَخِيَّةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu,



perudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan kami dan kesejahteraan negeri kami Wilayah Persekutuan agar sentiasa aman dan makmur.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.